

26/09/1998

Ahli dinasihat utama parti

SLIM RIVER, Jumaat - Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Mohd Khalid Yunus, menasihatkan ahli parti itu supaya tidak terlalu memikirkan masalah pemimpin yang disingkirkan.

Menurutnya, ahli sebaliknya perlu terus memelihara perpaduan dan menyokong Presiden parti yang juga Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya Umno terus menjadi tulang belakang kerajaan Barisan Nasional (BN).

"Memang sudah menjadi lumrah pemimpin datang dan pergi. Soal apa yang akan terjadi kepada pemimpin parti tidak perlu difikirkan sangat.

"Apa yang lebih penting ialah kita fikirkan apa akan terjadi kepada Umno yang menjadi nadi perjuangan orang Melayu dan tonggak kerajaan," katanya merujuk kes pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berucap mewakili Menteri Pendidikan yang juga Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Abdul Razak merasmikan Sambutan Jubli Intan Kampung Balun, dekat sini, hari ini.

Kampung Balun yang dibuka sejak 78 tahun lalu pernah menjadi johan pertandingan Buku Hijau ketika Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, iaitu bapa Najib, menjadi Perdana Menteri.

Mohd Khalid yang juga Timbalan Menteri Pendidikan berkata, dengan mengetepikan perjuangan individu dan mengamalkan sikap mengambil berat terhadap parti, Umno akan terus unggul untuk memperjuangkan nasib orang Melayu.

Menurutnya, ahli Umno juga perlu yakin dengan pendedahan yang dibuat Perdana Menteri kerana beliau mempunyai rangkaian sumber yang banyak untuk mendapatkan maklumat.

Beliau juga menasihatkan ahli Umno supaya bertenang menghadapi apa jua keadaan.

(END)